

# Tabung Wakaf UA kumpul RM23.05 juta

BERITA HARIAN 8/8/2017 p-14

**Sebanyak** RM23.05 juta dikumpul menerusi Tabung Wakaf yang ditubuhkan 13 universiti awam (UA) di negara ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak RM8 juta diikuti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), RM4.84 juta.

“Setakat ini, 13 UA sudah menubuhkan tabung wakaf manakala tujuh lagi masih dalam proses mendapat kelulusan majlis agama negeri.

## **Bantu UA jana pendapatan**

“Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama pelbagai agensi sudah membuat satu garis panduan bagi membantu UA dalam menjana pendapatan sendiri termasuk panduan pengutipan dana endowmen serta wakaf,” katanya.

Beliau menjawab soalan Datin Mastura Mohd Yazid (BN-Kuala Kangsar) yang bertanya jumlah UA di negara ini yang sudah mewujudkan tabung wakaf.

Idris berkata, sebanyak RM1.85 bilion dikumpul menerusi endowmen membabitkan 20 UA sehingga 20 Jun lalu.

Universiti Malaya (UM) mencatatkan jumlah dana tertinggi membabitkan RM1.6 bilion, diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan RM71 juta.